

**Amerika Syarikat Terima Protokol Ketiga TAC
Bernama
Ogos 04, 2011
Oleh Ahmad Fuad Yahya**

JAKARTA, 4 Ogos (Bernama) -- Duta Besar AS ke Asean David Lee Carden menyampaikan Surat Penerimaan terhadap Protokol Ketiga kepada Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di Asia Tenggara (TAC), menjadikan AS pihak ke-11 menerima protokol itu.

Surat itu disampaikan kepada Timbalan Ketua Setiausaha Asean bagi Komuniti Politik-Keselamatan, Sayakane Sisouvong pada Rabu, demikian menurut kenyataan Sekretariat Asean di sini pada Khamis.

Semasa majlis penyampaian ringkas itu, Carden dan Sayakane bertukar-tukar pandangan mengenai kejayaan Mesyuarat Menteri-menteri Luar Asean (AMM) ke 44, Mesyuarat Pasca Menteri (PMC) dan Forum Serantau Asean (ARF) ke-18, di Bali bulan lepas.

Mereka memuji Indonesia selaku Pengerusi Asean atas kejayaan itu.

Protokol Ketiga membolehkan organisasi serantau, dengan negara-negara berdaulat sebagai anggota, menerima TAC bagi membolehkan Kesatuan Eropah (EU) menjadi pihak yang terikat dengan Perjanjian itu.

TAC merupakan perjanjian keamanan di kalangan negara-negara Asia Tenggara yang dibentuk oleh negara-negara anggota pengasas Asean pada 1976. Semua negara Asean adalah anggota kepada perjanjian itu.

Pada 1987, Asean meminda perjanjian itu untuk mempelawa negara-negara di luar Asia Tenggara menganggotai perjanjian itu dengan matlamat membina keyakinan, memupuk perdamaian dan keselamatan, serta mengadakan kerjasama ekonomi di rantau ini.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=606126>